



Ruj. Kami : ANM.JB.(KP) /7 Jld.2 (24)
Tarikh : 13 Januari 2022
10 Jamadilakhir 1443H

**SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB,
NEGERI JOHOR**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN LATIHAN INTEGRATED AUDIT REPORT AND FEEDBACK
MANAGEMENT SYSTEM (iAREF) KEPADA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sedang membangunkan satu sistem bersepadu untuk tujuan pengurusan pengauditan dan naziran secara atas talian yang dikenali sebagai **Integrated Audit Report and Feedback Management System (iAREF)**. Sistem ini akan digunakan oleh Bahagian Akaun, Kementerian, Bahagian-Bahagian di JANM, semua Pejabat Perakaunan, PTJ dan Pejabat Pemungut di seluruh Malaysia.

3. Sehubungan itu, selaras dengan strategi pelaksanaan latihan kepada semua PTJ yang terlibat dan sebagai persediaan PTJ menggunakan sistem tersebut pada tahun 2022 (khususnya bagi modul berkaitan maklumbalas naziran/ pengauditan serta penghantaran Dokumen Akaun Terimaan (DAT) dan Kertas Kerja Sokongan (KKS)), sesi latihan kepada PTJ dijadualkan akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : **Bermula 19 Januari hingga 31 Januari 2022**
(Kehadiran PTJ mengikut giliran sesi yang ditetapkan)
Masa : **8.30 pagi hingga 4.30 petang**

4. Sesi latihan akan diadakan secara **hibrid** iaitu terdapat PTJ yang perlu hadir ke JANM Negeri Johor dan juga penyertaan PTJ **sepenuhnya secara dalam talian** melalui aplikasi *Lifesize*. Maklumat pengesahan kehadiran, tentatif, pautan (*link*) sesi latihan berserta bahan latihan akan diemelkan kepada wakil setiap PTJ kelak **mengikut jadual sesi latihan**.

5. Semasa sesi latihan, setiap PTJ adalah disyorkan untuk menggunakan **satu (1) jenis alat peranti** sahaja dan dipancarkan menggunakan skrin layar supaya latihan ini dapat diikuti oleh semua peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang akan memperolehi ID Pengguna Sistem iAREF kelak (sepertimana data templat awal yang dikemukakan oleh PTJ kepada pihak kami).

6. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan boleh berhubung terus dengan pegawai berikut :

NAMA	NO TELEFON	EMEL
Rabiatuladawiah binti Rusley	07-2249244 samb 1109	rabiatulusley@anm.gov.my
Nabilah binti Zulkefly	07-2249244 samb 1065	nabilah.zulkefly@anm.gov.my
Norhaini Haiti binti Adenan	07-2249244 samb 1108	hainihaiti.adenan@anm.gov.my
Nurul Atikah binti Mansor	07-2249244 samb 1107	atikah.mansor@anm.gov.my

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai bagi melancarkan pelaksanaan latihan Sistem iAREF.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

Saya yang menjalankan amanah,



(KALTHOM BINTI SALIM C.A.(M))
Pengarah,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Negeri Johor.